

## **UPSR TINGGAL SEJARAH; APAKAH KEUNTUNGAN BAGI SEKOLAH VERNAKULAR?**

Noorlailey M. Fadzilah

### **UPSR MENJADI SEKATAN PERKEMBANGAN KOGNITIF KANAK-KANAK**

Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akhirnya “mengundurkan diri” bermula tahun ini. Ujian pencapaian tersebut telah menjadi peperiksaan awam terbesar di peringkat sekolah rendah sejak tahun 1988. Keputusan pemansuhan telah mengambil kira keluhan yang didengari dari pihak Kementerian Pendidikan melalui Menteri Kanannya, Datuk Dr. Radzi Jidin yang menyatakan bagaimana kehidupan seharian seorang pelajar sudah tidak mempunyai ruang untuk aktiviti lain apabila perlu fokus kepada UPSR. Pelajar tersebut menghadapi tekanan daripada ibunya yang mempertaruhkan harapan yang tinggi supaya beliau berjaya memperoleh keputusan UPSR sebanyak 6A.

Perdebatan berkenaan isu pemansuhan UPSR telah berlangsung sejak lebih 10 tahun lalu, malahan sejak 2018 lagi, kebanyakan kesatuan guru bersetuju bahawa UPSR bukanlah suatu peperiksaan di peringkat persijilan berprestasi tinggi. Saranan pemansuhan dilihat bertepatan apabila pelajar sekolah rendah perlu diberi peluang perkembangan kognitif dan potensi diri masing-masing dengan ilmu yang diajar selama enam tahun tanpa tekanan peperiksaan. Ini dapat mengembalikan zaman persekolahan yang menyeronokkan di fasa kanak-kanak. Kerajaan nampaknya sudah komited bagi memulakan transformasi pendidikan negara daripada pembelajaran berorientasikan peperiksaan kepada kaedah penilaian yang lebih baik. Langkah yang diambil ini wajar dipuji, bertatih mengorak langkah bermula dengan pendidikan rendah negara. Hakikatnya, pembelajaran berorientasikan peperiksaan sudah lama menjadi 'kudis' dalam sistem pendidikan yang sekian lama menjadi perdebatan mahupun perbincangan hangat dalam kalangan pakar akademik.

### **'MANGSA' PEPERIKSAAN**

Ramai kanak-kanak Malaysia menjadi 'mangsa' peperiksaan. Seawal sekolah rendah membesar dengan tekanan peperiksaan, bukan untuk perkembangan sendiri yang lebih holistik terutamanya aspek minat dan kebolehan mereka. Di dalam konteks ini, lebih banyak tumpuan diberikan kepada UPSR, maka banyak masa di sekolah dihabiskan pada mata pelajaran UPSR sahaja. Para guru lazimnya akan cuba menghabiskan silibus secepat mungkin menjelang peperiksaan bagi memberi ruang kepada latihan tubi sebagai persiapan peperiksaan. Guru-guru terpaksa 'mencuri' masa mata pelajaran yang tiada dalam peperiksaan seperti Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni atau Pendidikan Muzik. Jika dilihat, mata pelajaran yang menjadi korban adalah mata pelajaran yang membentuk perkembangan fizikal pelajar dan perkembangan kanak-kanak dari aspek minat dan kebolehan mereka.

Dengan langkah pembatalan UPSR ini, guru-guru tidak perlu lagi melakukan pelbagai program yang keterlaluan hingga memberi tekanan dan keletihan kepada pelajar. Menurut pandangan Dr Annuar Ahmad dari Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), apa yang berlaku di dalam sistem pendidikan sekolah rendah negara, tumbesaran anak-anak di sekolah telah pun diberi tekanan oleh satu sistem pendidikan yang sangat 'rigid' dengan penekanan kebanyakannya kepada subjek yang khusus, rutin penjadualan yang ketat sehingga membantutkan perkembangan minat dan pengalaman keseronokan proses pembelajaran tidak dapat dinikmati sepenuhnya.

### **STIGMA BANYAK 'A' TANDA ARAS PELAJAR CEMERLANG**

Sekolah juga tidak akan lagi 'berlumba-lumba' menghasilkan pelajar dengan keputusan jumlah A diperoleh dalam UPSR. Para pelajar telah disemai dengan stigma bahawa mendapat banyak A itu sebagai tanda menonjolkan sahsiah yang baik dan modal insan yang boleh dicontohi oleh rakan sebaya mereka yang lain. Pelajar yang mencapai jumlah A yang banyak akan diraikan, diberi pujian serta pelbagai penghargaan dalam acara-acara rasmi sekolah mahupun penajaan di luar sekolah. Manakala, pelajar yang kurang cemerlang akan disisihkan sedangkan ada di antara mereka memiliki bakat lain yang digilap dan cemerlang dalam bidang selain akademik. Kitaran ini adalah pemusnah dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan Malaysia yang berfalsafahkan individu boleh mengimbangi antara harmonis dan berketrampilan dimusnahkan oleh sistem peperiksaan negara.

Jika seseorang itu mendapat keputusan yang memberangsangkan, dia berpeluang lebih cerah untuk mendapat tempat ke

sekolah-sekolah yang berprestij dan terpilih. Seolah-olah UPSR sudah menjadi penentu masa hadapan anak-anak, jika tidak ke sekolah berprestij ini, budaya masyarakat melihat kehidupan anak-anak di masa hadapan kurang cemerlang berbanding anak-anak yang berjaya mendapat tempat di sekolah berprestij mahupun sekolah berasrama penuh. Lebih banyak 'A', lebih tinggilah peluangnya. Inilah peluang membina masa hadapan di mana stigma di dalam masyarakat bermati-matian cuba menempatkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah tersebut. Di pihak sekolah sudah dipenuhi dengan acara perlumbaan menghabiskan silibus, di rumah juga ibu bapa memberi penekanan melampau dengan menghadiri kelas tambahan, tuisyen, bengkel dan seminar semata-mata mengejar impian tersebut.

### **KETIRISAN PELAKSANAAN SISTEM PENDIDIKAN SEKOLAH NASIONAL**

Tujuan utama pemansuhan peperiksaan perdana adalah untuk mengubah tumpuan pendidikan daripada berorientasikan peperiksaan kepada sesuatu yang mengambil kira pembentukan insan yang mampu berfikir. Langkah seterusnya bagi para guru adalah dengan memberikan tumpuan kepada potensi pelajar secara menyeluruh sesuai dengan keperluan tumbesaran kanak-kanak serta perkembangan sendiri mereka.

Namun terdapat juga kekusaran tentang bagaimanakah bentuk pelaksanaan pihak kerajaan dalam memupuk belajar yang kritis dan kritikal. Ditakuti balik dan pergi sekolah tiada lagi pengisian dan pemahaman dalam pelajaran. Pihak sekolah tidak lagi perlu bersusah payah untuk mendidik bersungguh-sungguh untuk mencapai satu matlamat. Pelaksanaan sistem baru dibimbangi hanya akan mendatangkan lebih banyak cabaran dan menyusahkan pelajar. Kebimbangan para ibu bapa adalah anak-anak akan kehilangan matlamat pembelajaran mereka di sekolah dan ibu bapa tidak dapat benar-benar menilai prestasi akademik mereka. Di sinilah para ibu bapa meluahkan ketidakyakinan terhadap tahap ketelusan pelaksanaan sistem pengajaran yang baharu, timbul prasangka terhadap pengajaran dari guru-guru dan pembelajaran anak-anak.

Menjadi persoalan melihat kepada senario yang sedia ada, sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan sistem penilaian yang baru nanti?

Kita sudah sedia maklum sudah ramai ibu bapa Bumiputera yang beralih arah dari sekolah kebangsaan ke sekolah-sekolah pilihan lain seperti sekolah pendidikan swasta atau sekolah antarabangsa, dan juga sekolah vernakular.

Adakah akan terdapat arus perubahan dalam sistem pendidikan apabila lebih ramai ibu bapa Bumiputera yang mempercayai sekolah vernakular dengan mendaftarkan anak-anak mereka terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Negara sudah dapat melihat impak ketirisan di dalam sistem pendidikan sekolah kebangsaan apabila lewat kebelakangan ini, semakin ramai yang menghantar anak-anak mereka masuk ke SJKC.

### **SEKOLAH VERNAKULAR SEBAGAI ALTERNATIF**

Disebabkan ketidakyakinan dalam arus sistem pendidikan ini jugalah yang telah mendorong sebilangan ibu bapa menghantar anak-anak mereka menghadiri sekolah aliran vernakular khususnya SJKC. Walaupun terdapat perdebatan bahawa sekolah jenis vernakular akan menjadi halangan kepada perpaduan nasional yang disebabkan oleh kekangan bahasa ibunda, ini tidak menjadi penghalang buat hampir 20% pelajar bukan Melayu yang didaftarkan di sekolah vernakular cina pada tahun 2020. 15% daripadanya adalah pelajar berbangsa Melayu. Peningkatan sebanyak 6% berlaku berbanding 10 tahun lepas.

Mengapakah semakin ramai ibu bapa Melayu menghantar anak mereka ke sekolah aliran Cina? Faktor di sebalik senario ini dikenalpasti melalui satu forum "Anak Melayu di Sekolah Cina" yang diadakan pada tahun 2019 dari kalangan lepasan SJKC. Meskipun terdapat kebimbangan menjadi golongan minoriti apabila memasuki SJKC, ramai ibu bapa golongan ini yang berpendapat mereka tidak mengalami situasi di mana anak mereka dipinggirkan di sekolah berkenaan. Selain faktor utama dalam kepentingan untuk menguasai bahasa Mandarin, faktor tahap disiplin yang tinggi, serta cara pembelajaran yang tegas berbanding di sekolah kebangsaan dapat membentuk anak-anak mereka berdaya fikir yang lebih matang dan kemampuan berfikir secara kritikal. Kepentingan untuk mempelajari pergaulan antara kaum lain juga dititikberatkan.

Perspektif kaum Melayu terhadap corak pemikiran ibu bapa yang terlalu liberal dan agak moden tidak lagi menghantui pada

masa kini lebih-lebih lagi dari penduduk yang tinggal di luar bandar. Di suatu bandar terpencil di dalam daerah Kuala Kangsar, SJK(C) Khai Chee, jumlah pelajar Melayu melebihi pelajar berbangsa Cina, 27 dari jumlah keseluruhan pelajar sebanyak 42 orang adalah berbangsa Melayu, 3 berbangsa India dan selebihnya berbangsa Cina (setakat March 2021). Senario ini telah berlarutan sejak lebih sedekad lalu di mana pelajar bukan Cina melebihi pelajar berbangsa Cina sendiri. Antara sekolah-sekolah lain yang menghadapi situasi yang sama:

- 1) **SJK(C) Kwong Man, Batu Kurau, Perak:**  
81 daripada 82 pelajarinya adalah pelajar Melayu (setakat Januari, 2020)
- 2) **SJK(C) Yuk Chuen, Changkat Jering, Perak:**  
Jumlah semua pelajar, 21 orang berbangsa Melayu (setakat Mei, 2021)
- 3) **SJK(C) Sin Min, Lubok China, Alor Gajah, Melaka:**  
46 daripada 55 pelajarinya adalah pelajar Melayu (setakat Januari, 2019)

Nampaknya, 'orang luar bandar' juga sudah pandai menilai bagi memberikan pendidikan yang berkualiti untuk anak-anak mereka. Mereka sudah lagi tidak termakan dengan sentimen pertikaian antara kaum menggunakan sekolah vernakular yang sering dimainkan ahli politik sebagai 'modal' untuk mendapat sokongan. Selain faktor kualiti pendidikan, mereka juga mahukan anak-anak mereka menguasai bahasa Mandarin yang menjadi aset pada masa depan. Bekas angkasawan negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Al Masrie juga memilih menghantar anak pertama dan kedua ke SJKC atas faktor yang sama.

Semakin banyak sekolah aliran Cina yang majoritinya pelajar Melayu. Malah, bukan situasi yang janggal di Sabah dan Sarawak apabila ramai ibu bapa Melayu dan Bumiputera yang telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina. Budaya menghormati hak kaum lain mampu memupuk perpaduan kaum di negara ini. Sekolah vernakular menyaksikan pertembungan kaum berbilang bangsa mampu mendidik untuk pelajar menjadi lebih terbuka, saling menghormati dan menjaga kebajikan sesama kaum.

Faktor kecemerlangan mata pelajaran Sains dan Matematik yang dipraktikkan di sekolah aliran Cina adalah berbeza di sekolah kebangsaan. Latihan dan aktiviti untuk menguasai mata pelajaran ini diterapkan setiap hari bagi sekolah aliran Cina sama ada di sekolah mahupun di rumah sedangkan penekanan tersebut hanya dilakukan menjelang hari peperiksaan di sekolah kebangsaan. Justeru, pemansuhan UPSR sedikit sebanyak berkemungkinan terhakisnya kadar keyakinan ibu bapa terhadap sekolah kebangsaan dalam melahirkan pelajar cemerlang terutamanya bagi subjek Sains dan Matematik.

### **PEMANSUHAN UPSR DAN IMPAK POSITIF KEPADA SEKOLAH VERNAKULAR**

Pusat Pembangunan Kebudayaan, LLG bersama Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur & Selangor (DPCKL) dan Jawatankuasa Kecil Pendidikan melalui bengkel membincangkan dan meneliti cadangan pemansuhan UPSR dan PMR telah menggariskan beberapa kelemahan sistem pendidikan negara. Dari sudut pandang kelemahan ini, kelebihan yang ada pada sekolah vernakular seperti yang dinyatakan di atas dapat menampung kekhawatiran ibu bapa dengan sistem penilaian baharu sekolah kebangsaan.

Arus pemodenan membawa lebih banyak kesedaran betapa penting untuk para pelajar menguasai pelbagai bahasa dan konsep pembelajaran yang memerlukan pelajar melaksanakan penyelesaian masalah, kreativiti, komunikasi serta daya saing dengan rakan sebaya. Di sekolah SJKC, guru lebih menggalakkan pelajarinya untuk bertanya soalan, tetapi situasi adalah berbeza di sekolah kebangsaan apabila mereka sering dimarahi oleh para guru apabila banyak mengajukan soalan. Melalui forum "Anak Melayu di Sekolah Cina" itu juga turut menyebut, ketegasan guru-guru di sekolah aliran Cina mengajar anak mereka menjadi lebih berdisiplin. Di situ, penekanan pembelajaran yang berbeza di mana, pembelajaran bukan hanya berdasarkan daripada buku, tetapi mereka diajar cara berfikir, memahami konteks ilmu yang diterima melalui pemahaman dan bukan menghafal.

Jika UPSR dimansuhkan, pelajar tidak akan dapat fokus kepada pembelajaran dengan belajar bersungguh-sungguh

disebabkan tahap pemikiran pelajar sekolah rendah yang masih belum matang dan ketidakupayaan mengadakan inisiatif dalam pembelajaran. Pelajar lebih cenderung menghafal untuk menghadapi peperiksaan, bahkan akhirnya tidak berkemampuan untuk menyelesaikan masalah kehidupan kerana tidak tahu berfikir. Lalu, dengan segala ruang-ruang kelemahan sistem pendidikan yang ada, adakah keyakinan ibu bapa akan bertambah dengan pemansuhan UPSR? Dari sudut ini, tidak mustahil jika dalam masa satu tahun ke lima tahun akan datang, jumlah pelajar Melayu yang menghadiri sekolah vernakular akan meningkat secara mendadak jika sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak diperkasakan secara komprehensif.

### **SEKOLAH VERNAKULAR TIDAK LAGI WAJAR MENJADI RETORIK POLITIK**

Baru-baru ini Ketua Armada Nasional Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad menggesa pemansuhan sekolah vernakular sebagai agenda nasional dan bukannya digunakan sebagai bahan politik untuk meraih undi. Sekolah vernakular sering kali dijadikan mainan politik kononnya persepsi negatif rakyat rata-ratanya gagal menghasilkan pelajar dengan jati diri nasional yang kental lebih-lebih bagi penguasaan Bahasa Melayu. Ini adalah satu retorik politik yang lapuk sudah dek pemikiran yang cetek. Sudah banyak penulisan mengenai memupuk perpaduan, persefahaman antara kaum dan penyesuaian diri dengan masyarakat kaum minoriti di sekolah vernakular. Ianya adalah pemangkin untuk mengeratkan lagi hubungan antara kaum bagi golongan muda di masa hadapan.

Kebelakangan ini juga banyak kemunculan sekolah-sekolah swasta dan sekolah antarabangsa bagai cendawan tumbuh selepas hujan dan tidak pula menjadi pertikaian politik. Jika tidak dikawal, kebanjiran pelajar dari institusi ini juga mampu menggugat patriotisme negara disebabkan penerapan silibus antarabangsa mereka dan kebanyakan pelajarannya hanya mampu bertutur Bahasa Inggeris sahaja. Kewujudan sekolah vernakular seharusnya menjadi nilai tambah dan aset bagi negara. Hal ini disebabkan kelebihan dari segi bahasa ketiga dapat melahirkan generasi yang dapat memudahkan perhubungan diplomatik dan komunikasi antara Malaysia dan negara luar seperti India dan China, yang menjadi gergasi ekonomi dunia pada masa kini.

Pada masa kini, kerajaan Barisan Nasional, melalui Timbalan Menteri Pendidikannya, Datuk Dr Mah Hang Soon sudah menggerakkan dana dan kerja-kerja penambahbaikan sekolah-sekolah Cina sebanyak RM1.6 juta daripada RM800 juta peruntukan untuk pendidikan seperti yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021. Masyarakat seharusnya melihat sejumlah kecil tumpuan ke sekolah aliran Cina ini tidak seharusnya menjadi pertikaian dan tergugat sedangkan penambahbaikan fasiliti yang diberikan ini turut dapat dinikmati sebilangan anak Bumiputera yang bersekolah di sekolah vernakular. Tidak mustahil, pemansuhan UPSR akan meningkatkan lagi kebanjiran ibu bapa Melayu dan Bumiputera menghantar anak mereka ke sekolah vernakular disebabkan keyakinan dengan sistem pendidikan yang telah dipraktikkan dan telah terbukti kecemerlangan dan kelebihan guna pakai di masa hadapan.

### **RUJUKAN**

*"Pandangan Kami Terhadap Cadangan Pemansuhan UPSR dan PMR"*, Pusat Pembangunan Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG (LLG), Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur & Selangor (DPCKLS)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/811920/selamat-tinggal-upsr>

<http://www.abim.org.my/profil/minda-qiyadah/item/441-upsr-bocor-hentikan-segera-kitaran-pemusnah-pendidikan-negara.html>

<https://www.suaraperak.my/sekolah-cina-di-mana-pelajar-melayu-melebihi-bangsa-lain/>

<https://pages.malysiakini.com/integration/en/WhitherIntegration/>

[https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/12/513336/sjkc-sin-min-majoriti-murid-melayu?fbclid=IwAR1LSxqlqOaftUkXI4TdDdt4sxtigyjGuUZwqFh2xYzPsdMCCywuEdUV\\_I4/](https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/12/513336/sjkc-sin-min-majoriti-murid-melayu?fbclid=IwAR1LSxqlqOaftUkXI4TdDdt4sxtigyjGuUZwqFh2xYzPsdMCCywuEdUV_I4/)